

22/07/1999

Tindakan Kamaruddin tamparan hebat kepada Keadilan

KUALA LUMPUR, Rabu - Tindakan bekas Ketua Umno Bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar menyertai Pas memberi tamparan hebat kepada Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Ini kerana banyak pihak termasuk di kalangan pemimpin Keadilan sendiri menjangka rakan rapat dan penasihat Datuk Seri Anwar Ibrahim itu akan menyertai parti pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, selepas dipecat daripada Umno pada 5 Julai lalu.

Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Abdul Azim Mohd Zabidi, berpendapat sebagai rakan rapat Anwar, keputusan Kamaruddin itu sudah pasti memberi tamparan kepada Keadilan.

"Kalau betul Kamaruddin berjiwa Umno, dia boleh merayu untuk menyertai semula Umno selepas dua tahun dipecat. Tetapi orang macam ini cuma mementingkan diri sendiri dan menggunakan hubungan baiknya dengan Anwar bagi mendapat pelbagai kemudahan ketika dalam Umno.

"Pas harus berhati-hati dengan orang yang tidak mempunyai prinsip seperti Kamaruddin," katanya.

Kamaruddin mengumumkan menyertai PAS di Tumpat malam tadi di hadapan Presiden parti itu, Datuk Fadzil Noor; Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan beberapa pemimpin Pas Kelantan dalam satu ceramah politik anjuran parti itu di Kampung Tanjung Kuala.

Ketika Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, namanya adalah antara yang disenaraikan mendapat habuan menerusi projek penswastaan, termasuk projek Bandar Linear Kuala Lumpur bernilai RM10 bilion.

Kamaruddin juga dinamakan sebagai pemegang saham dalam projek penswastaan Sabah Shipyard bernilai RM19.06 juta menerusi syarikatnya, Westmont Industries.

Di KOTA BAHRU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata Kamaruddin membuktikan bahawa Keadilan terlalu rapuh sehingga beliau hilang keyakinan untuk menyokong parti itu apabila menyertai Pas.

Beliau berkata, sepatutnya sebagai penyokong kuat bekas Timbalan Perdana Menteri, Kamaruddin menyertai Keadilan untuk meneruskan perjuangan politiknya, tetapi bertindak sebaliknya.

"Nampaknya beliau sendiri tidak yakin kepada Keadilan, sebab itu beliau pilih Pas. Saya hairan kenapa beliau bertindak seperti itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Pergerakan Wanita Umno di Bangunan Umno Kelantan, hari ini.

Pemangku Ketua Umno Bahagian Tumpat, Mansor Salleh, berkata kemasukan Kamaruddin dalam Pas memberi tamparan hebat kepada Parti Keadilan Nasional.

Beliau berkata, sepatutnya Kamaruddin setia bersama Keadilan yang memperjuangkan nasib Anwar.

"Kita percaya Kamaruddin hanya mementingkan diri sendiri daripada matlamat perjuangan Keadilan yang membela nasib Anwar," katanya.

Mansor berkata, kemasukan Kamaruddin itu tidak menggugat semangat dan perjuangan Umno Tumpat kerana dia sudah dipecat dari Umno.

Sementara itu, Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar, menolak andaian tindakan Kamaruddin itu sebagai tamparan kepada partinya.

"Tidak menjadi masalah bagi Kamaruddin untuk menyertai Pas," katanya.

Naib Presiden Keadilan, Tian Chua berkata sesiapa sahaja dialu-alukan untuk menyertai pakatan pembangkang tanpa mengira sama ada menyertai Pas,

DAP, Keadilan atau Parti Rakyat Malaysia (PRM).

"Kami tidak kecewa dengan tindakan Kamaruddin dan kami juga tidak terkejut kerana sudah tahu dia akan menyertai Pas. Yang penting, ini akan menambah kekuatan kepada barisan pembangkang dan satu tamparan hebat kepada Barisan Nasional (BN)," katanya.

Kamaruddin adalah Pengerusi Institut Kajian Dasar (IKD), kumpulan pemikir Anwar ketika dalam kerajaan, selain bekas Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Jurucakap IKD ketika dihubungi berkata pihaknya tidak boleh mengulas kedudukan Kamaruddin dalam organisasi itu kerana hanya beliau (Kamaruddin) dan seorang lagi pengerusi IKD, Dr Siddiq Fadzil, boleh bercakap bagi pihak institusi terbabit.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Dr Siddiq sebagai salah seorang pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) yang menghasut pelajar membenci kerajaan.

Bagaimanapun, Dr Siddiq yang juga pensyarah Jabatan Persuratan Melayu di Fakulkti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tidak dapat dihubungi.

(END)